

28 MAR 1996

Parlimen - Asem

AMERIKA SYARIKAT AKAN SENTIASA MENENTANG JIKA TIDAK DIJEMPUT

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Malaysia berpendirian penyertaan Amerika Syarikat tidak semestinya diperlukan untuk membentuk atau menjayakan sesuatu forum yang berfaedah kepada rantau ini.

Malah Malaysia berpendirian tanpa penyertaan Amerika Syarikatpun forum seumpama itu dapat berjalan dengan baik, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Ketika menjawab pertanyaan tambahan Abdul Rahman Sulaiman (BN-Parit Buntar), beliau berkata sudah menjadi kebiasaan negara itu bersikap "sangsai atau ragu" sebarang forum yang dibentuk, seperti Mesyuarat Asia-Eropah (Asem), jika ia tidak dijemput menyertainya.

Asem yang disertai 25 negara -- 10 dari Asia dan 15 dari Eropah -- bermesyuarat dua hari di Bangkok, Thailand mulai 1 Mac lepas.

Beliau berkata setiap kali terdapatnya muafakat atau forum yang tidak membabitkan penyertaannya, Amerika Syarikat akan berasa kurang senang.

Abdullah memberitahu Bernama di luar Dewan bahawa Setiausaha Negara Amerika Syarikat pernah pada satu ketika membuat kenyataan bahawa Amerikan Syarikat bersikap "sangsai dan ragu-ragu" terhadap sesuatu forum serantau yang negara itu tidak dijemput menyertainya.

Bagaimanapun, Malaysia berpendirian sesuatu forum yang dianggap boleh membawa faedah kepada rantau ini perlu diwujudkan malah dapat berjalan dengan baik tanpa penyertaan Amerikan Syarikat, katanya.

Menjawab soalan asal Datuk Abu Seman Yusof (BN-Alor Gajah) mengenai Asem, katanya, mesyuarat itu dianggap satu kejayaan dalam merapatkan hubungan politik dan kerjasama ekonomi antara Asia dan Eropah malah keputusan-keputusan yang dicapai adalah konkrit, positif dan pragmatik.

Katanya, mesyuarat juga bersetuju Forum Perniagaan Asia-Eropah yang pertama akan diadakan di Perancis pada 1996 bagi menentukan modaliti meningkatkan kerjasama sektor perniagaan dan swasta di antara rantau.

Menurut Abdullah, tidak ada satu negarapun yang menyertai Asem yang bersikap negatif terhadap mesyuarat itu sungguhpun ada beberapa negara tidak berpuas hati kerana tidak dijemput untuk menyertainya.

Mesyuarat itu juga memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah mengenali satu sama lain secara lebih rapat lagi, katanya dan menambah kata Malaysia berpendapat bilangan dan senarai negara anggota Asem yang ada sudah sesuai.

Katanya, dari segi kerjasama ekonomi, Asem menekankan bahawa sebarang langkah integrasi dan kerjasama serantau seharusnya selari dengan dasar dan peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan bersifat terbuka.

Beliau berkata, Asem juga menerima beberapa cadangan yang dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti tidak menimbulkan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan pelaburan dan perdagangan dan pembukaan universiti-universiti cawangan di negara Asia atau mewujudkan program berkembar dengan universiti Asia.

Kata Abdullah, Malaysia juga dilantik sebagai penyelaras untuk membuat kajian mengenai projek laluan keretapi yang menghubungkan Asia dengan Eropah. -- Bernama.

ARA AHH